

11/11/2000

Calon Lunas sudah dikenal pasti

KUALA LUMPUR, Jumaat- Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu sudah memutuskan calon untuk pilihan raya kecil Lunas, Kedah dan akan menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad petang ini untuk mendapatkan persetujuannya.

Pilihan raya itu diadakan berikutan kematian Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Lunas merangkap ahli Jawatankuasa Kerja Pusat MIC (CWC), Dr Joe Fernandez, yang mati ditembak Sabtu lalu.

Samy Vellu berkata, satu calon pilihan MIC serta nama dua atau tiga lagi calon lain akan diserahkan kepada Dr Mahathir.

"Setakat ini, memadailah saya katakan calon disyor MIC berusia sekitar 50-an, anak jati Sungai Petani dan memegang jawatan tertentu dalam MIC peringkat negeri Kedah.

"Kemenangan kerusi Dewan Undangan Negeri Lunas amat penting kepada MIC bagi membuktikan bahawa rakyat masih yakin terhadap kerajaan BN dan tidak terpengaruh dengan dakwah pembangkang," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat khas CWC di ibu pejabat parti di sini, hari ini. Beberapa nama yang disebut sebagai calon termasuk bekas senator dan Ketua MIC bahagian Padang Serai, S Parasuraman, 53; Setiausaha MIC Kedah, S Ganesan, 41, seorang peguam; Ketua Pemuda MIC Kedah, R Nanthakumar, 31, dan Timbalan Ketua MIC bahagian Kulim, S Muniandy.

Nama calon pilihan BN daripada MIC untuk kerusi Dewan Undangan negeri Lunas dijangka akan diumumkan oleh Dr Mahathir atau Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain sedikit masa lagi.

Dr Joe Fernandez mengekalkan kerusi Lunas pada pilihan raya umum tahun lalu selepas menewaskan tiga pencabar, N Letchumanan (Bebas), M Kathiravelo (DAP) dan Ibrahim Md Rashidi (Bebas) dengan kelebihan 2,455 undi.

Beliau mula menjadi wakil rakyat kawasan Lunas setelah memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan itu pada pilihan raya umum 1995 apabila mengalahkan Majid Arof (Semangat 46) dengan majoriti 7,236 undi.

Berdasarkan perangkaan terbaru Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), kawasan Lunas mempunyai 24,481 pengundi, termasuk 43 peratus pengundi Melayu, 37 peratus Cina dan 19 peratus India.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan Barisan Alternatif (BA) menggunakan sentimen perkauman dalam kempen kali ini bagi memecah-belahkan masyarakat untuk kepentingan peribadi.

(END)